

13 JUN 1997

Ling-Lapangan Terbang

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA DEKAT PESISIRAN PANTAI KUALA MUDA PERLU

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata sebuah lagi lapangan terbang bertaraf antarabangsa diperlukan di kawasan utara semenanjung bagi menampung permintaan yang dijangka meningkat pada masa depan.

Katanya ini adalah kerana lapangan terbang bertaraf antarabangsa yang sedia ada sekarang di Bayan Lepas, Pulau Pinang dan Langkawi tidak lagi mempunyai ruang yang mencukupi untuk pembangunan atau dinaikan taraf.

"Kebanyakan lapangan terbang yang sedia ada tidak ada tanah yang mencukupi bagi pembinaan landasan kedua dan lain-lain kemudahan yang diperlukan dan oleh kerana itu kita terpaksa mencari kawasan lain yang luas dan boleh menampung pembangunan dari masa ke semasa," katanya.

Dr Ling berkata demikian kepada pemberita ketika ditanya mengenai rasional membina sebuah lagi lapangan terbang bertaraf antarabangsa di kawasan persisiran pantai Kuala Muda, Kedah.

Beliau sebelum itu melancarkan buku "Biographical Dictionary of the Chinese in Malaysia" di Universiti Malaya di sini.

Antara lain buku itu memuatkan biografi tokoh perniagaan dan negarawan terkenal berbangsa Cina seperti Tun H S Lee, Tun Tan Siew Sin dan Tun Ong Yoke.

Ling berkata lapangan terbang itu yang merupakan satu dari projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kawasan Utara (NRIA) perlu bagi menampung peningkatan taraf hidup dimana rakyat semakin banyak menggunakan perkhidmatan udara.

"Ini juga berdasarkan pengalaman antarabangsa, kita harus laksanakan di negara ini ketika kita masih lagi ada kawasan tanah lapang kerana di Eropah hanya sebuah lapangan terbang baru dibina sejak 20 tahun lepas kecuali di Munich kerana kawasan yang sesak," katanya.

Ketika ditanya sama ada salah satu dari tiga lapangan terbang yang sedia ada akan ditutup berikutan pembinaan lapangan terbang yang baru, Ling berkata "ini adalah sesuatu yang saya tidak akan komen buat ketika ini dan semuanya akan dikaji dan keputusan muktamad akan dibuat di masa depan."

Baru-baru ini Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid mengumumkan bahawa kerajaan pusat telah meluluskan projek berkenaan yang akan dilaksanakan oleh sebuah syarikat berpangkalan di Kuala Lumpur, Samudera Baru Darul Aman Sdn Bhd.

Sanusi berkaya Perdana Menteri Datu Seri Dr Mahathir Mohamad mahu projek itu dilaksanakan dengan segera.

Projek itu akan dibina di atas kawasan yang ditambah seluas kira-kira 6,300 hektar di persisiran pantai Kuala Muda, kira-kira 140 kilometer dari Alor Star.

Ling berkata bagaimanapun keputusan muktamad akan dibuat selepas mengambil kira kajian yang di buat Unit Perancang Ekonomi dan Laporan Penilaian Alam Sekitar (EIA).

"Beberapa kajian menadalam perlu dibuat supaya kita tidak akan menghadapi masalah yang tidak dijangka," katanya. -- BERNAMA

NAS WAT